

17 OCT 1998

Mahathir-Singapura

AGAK SUKAR BAGI MALAYSIA KINI UNTUK BERBAIK DENGAN SINGAPURA, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata adalah sukar kini bagi Malaysia untuk berbaik-baik semula dengan Singapura kerana beberapa tindakan yang diambil negara jiran itu tidak menunjukkan kemesraan.

Beliau berkata Singapura telah mengambil beberapa tindakan yang menunjukkan ia tidak sensitif sebagai jiran yang baik tetapi apa yang membuatkan rakyat Malaysia berkecil hati ialah komen mengenai beberapa bekas pemimpin negara oleh Menteri Kanan Lee Kuan Yew dalam memoirnya yang diterbitkan baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata jika diikutkan beliau sendiri boleh menulis banyak perkara yang amat teruk mengenai Singapura tetapi tidak berbuat demikian kerana akan menimbulkan kemarahan Singapura.

Tetapi apabila Lee dalam memoirnya mencerca beberapa pemimpin Malaysia yang telahpun meninggal dunia, rakyat Malaysia amat marah mengenainya, katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan media Jepun dalam satu temuramah di sini.

Lee dalam memoirnya yang mencetuskan ketegangan baru dalam hubungan antara kedua-dua negara menuduh beberapa pemimpin Malaysia yang lalu mengamalkan tindakan rasuah, maksiat dan menimbulkan ketegangan kaum yang menyebabkan rusuhan kaum di Singapura pada 1964.

"Saya juga boleh menulis banyak perkara yang teruk mengenai pengalaman saya dengan Singapura tetapi kami menahan diri daripada berbuat demikian tetapi Singapura kadangkala menyatakan perkara yang melukakan hati kami bukan sahaja kerajaan tetapi rakyat.

"Kini pemimpin kami yang lalu yang telahpun meninggal dunia dicerca oleh mereka (dalam memoir itu) rakyat kami merasa amat marah.

"Walaupun saya mahu berbuat baik, ia amat sukar kini kerana rakyat tidak mahu kami berbaik-baik semula dengan Singapura," kata Dr Mahathir.

Menurut Duta Malaysia ke Jepun Tan Sri Khatib Abdul Hamid ahli perniagaan Jepun bimbang dengan masalah hubungan Malaysia-Singapura kerana pelaburan besar Jepun di Singapura.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia tidak boleh mengetepikan perasaan rakyat akibat daripada tindakan-tindakan tidak mesra Singapura.

Beliau memberi contoh langkah bank-bank Singapura menawarkan kadar fadeah yang amat tinggi bagi deposit dalam ringgit Malaysia sebagai satu lagi "tindakan yang tidak begitu menyenangkan".

Dr Mahathir berkata semasa masalah ekonomi yang dihadapi kini, Malaysia memerlukan sebanyak mungkin wang dalam sistem perbankan tetapi apabila bank-bank Singapura mengambil langkah sedemikian, ringgit mengalir keluar daripada negara ini.

Satu lagi ialah apabila Singapura mengadakan dagangan terbuka bagi saham berikutan pemisahan bursa saham kedua-dua negara, satu langkah yang menjejaskan ekonomi Malaysia.

"Bagi tempoh yang lama, kami tidak membantah, tetapi akhirnya sudah tentu kami perlu bertindak," katanya jelas merujuk kepada keputusan Malaysia baru-baru ini untuk melarang pesawat tentera Singapura daripada terbang melalui ruang udara Malaysia.

Masalah lain antara kedua-dua negara termasuk masa depan perjanjian bekalan air - Singapura mendapat sejumlah besar bekalan air dari Malaysia - dan tanah keretapi milik Malaysia di Singapura.

-- BERNAMA
AU RON